



**JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)**

**1. PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41 (TETAP : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji RM2,146.00 (Minimum) - RM8,718.00 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji Permulaan : RM2,146.00) atau
- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji Permulaan : RM2,146.00) atau
- (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji Permulaan : RM2,249.66) atau
- (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji Permulaan : RM2,561.00) atau
- (v) ijazah sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji Permulaan : RM2,664.78) atau
- (vi) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan : RM2,976.11)

dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**Syarat Lantikan Tambahan**

**Bagi jawatan yang ditawarkan di Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Kampus Gambang.**

**Keutamaan kepada calon :**

- (a) mempunyai pengalaman kerja dalam bidang hortikultur/pertanian;
- (b) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- (c) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilih).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara **Tetap**.

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

**UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

**JABATAN PENDAFTAR**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,**

**LEBUHRAYA TUN RAZAK,**

**26300 GAMBANG, KUANTAN,**

**PAHANG DARUL MAKMUR**

**(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR)**

**CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN**

Pada 1 Ogos 2014.

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN**

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 8 Ogos 2014.